

# Bush jemput Mahathir ke AS bulan depan

UM 4 APR 2002

KUALA LUMPUR 3 April — Presiden George W. Bush menjemput Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengadakan lawatan ke Amerika Syarikat (AS) bulan depan.

Lawatan itu adalah yang pertama bagi Perdana Menteri ke White House sejak 1994, apabila beliau menemui Presiden AS ketika itu, Bill Clinton.

“Dr. Mahathir dijemput mengadakan lawatan pada 12 hingga 14 Mei,” kata satu sumber diplomatik kepada agensi berita Reuters.

Lawatan itu dijangka membawa kemajuan besar dalam hubungan dua hala Malaysia-AS dan mencerminkan penghormatan Washington terhadap Dr. Mahathir sebagai pemimpin Islam yang berfahaman sederhana.

## Kritik

Washington pernah mengkritik tindakan Malaysia menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dalam memastikan keamanan negara yang rakyatnya pelbagai kaum berkekalan.

Bagaimanapun, selepas tragedi 11 September kritikan itu telah lenyap, setelah AS menyedari undang-undang sedemikian amat perlu termasuk untuk membendung keganasan.

Dalam menangani isu keganasan, Dr. Mahathir menyatakan pendirian tegas Malaysia yang tidak bersetuju dengan pengeboan AS di Afghanistan serta masih konsisten dalam kritikkannya mengenai sokongan Washington terhadap Israel.

Kata para diplomat, dalam kunjungannya kelak Dr. Mahathir dijangka memberitahu Bush supaya menukar dasar AS terhadap Asia Barat.

“Saya fikir beliau (Dr. Mahathir) cuba meletakkan dirinya sebagai satu suara yang sederhana dengan dunia Barat,” kata seorang diplomat Barat.